

Puteri jangan kecewa tidak dipilih jadi calon

UM - 8 FEB 2003

JITRA 7 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru ahli Puteri UMNO agar tidak kecewa jika mereka atau calon pilihan mereka tidak terpilih untuk bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, ahli-ahli Puteri yang akan mewarisi UMNO bersama Pemuda pada masa depan perlu membawa budaya baru untuk memastikan kejayaan cemerlang Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, ahli Puteri hendaklah faham mengenai kedudukan politik bahawa jika mereka tidak terpilih sebagai calon, mereka perlulah menyokong orang lain yang telah dipilih.

“Hanya dengan cara ini sahaja UMNO, akan terus mencapai kejayaan dalam setiap kali pilihan raya,” katanya ketika berucap semasa melancarkan Unit Khas Pilihan Raya (UKP) Puteri UMNO Malaysia di Dewan Wawasan di sini hari ini.

Kira-kira 7,000 ahli Puteri UMNO menyertai majlis pelancaran UKP yang turut dihadiri oleh Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib; Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob dan Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Dr. Mahathir bagaimanapun yakin Puteri UMNO mempunyai kewibawaan untuk menghadapi pilihan raya akan datang berdasarkan keberkesanan kempen yang mereka jalankan semasa beberapa pilihan raya kecil lalu.

Katanya, kehadiran Puteri UMNO semasa pilihan raya kecil sejak tahun 2000 sedikit sebanyak menggugat kedudukan parti lawan.

Sambil berharap agar Puteri terus menjaga UMNO yang banyak berjasa kepada bangsa dan agama, Dr. Mahathir juga mengingatkan pergerakan itu supaya tidak terikut budaya yang terdapat di kalangan ahli UMNO dewasa yang bertelagah semasa pertandingan.

● Puteri tidak cadang kemukakan calon — Muka 5

Katanya, apabila pertelingkahan berlaku semasa pemilihan, mereka yang kalah tidak dapat menerima pihak yang menang menyebabkan yang tewas menubuhkan parti baru.

Keadaan itu, jika berlaku setiap kali pemilihan akan menyebabkan parti semakin kecil dan pemimpin akan kehilangan pengikutnya.

“Pemimpin yang tidak mempunyai pengikut bukanlah seorang pemimpin,” katanya.

Pada majlis itu Dr. Mahathir secara ikhlas menjelaskan bahawa Puteri UMNO bukanlah lahir daripada idea beliau.

“Saya menyokong serta-merta cadangan penubuhan Puteri UMNO kerana ia didapati amat baik untuk menjadi barisan pelapis dan akan mengambil alih UMNO pada masa depan,” katanya lagi.

Beliau juga melahirkan rasa senang dengan sambutan ahli Puteri terhadap UMNO semasa pelancaran UKP hari ini.

Katanya, sebagai orang yang telah berusia dan akan pergi sudah tentu gembira dengan generasi yang akan mewarisi UMNO kelak.

Beliau menyifatkan kegembiraan itu sama seperti pasangan suami isteri yang amat gembira apabila dikurniakan cahaya mata.